

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Kedua  
Sidang Akademik 2003/2004

Februari/Mac 2004

**HMT 505 - Semantik dan Wacana Bahasa Melayu Lanjutan**

Masa : 3 jam

Sila pastikan bahawa kertas peperiksaan ini mengandungi **ENAM** muka surat yang bercetak sebelum anda memulakan peperiksaan ini.

Jawab **EMPAT** soalan. Pilih **DUA** soalan daripada mana-mana Bahagian A dan **DUA** soalan daripada mana-mana Bahagian B.

Gunakan buku jawapan yang berasingan untuk menjawab soalan daripada Bahagian A dan Bahagian B.

Bahagian A

1. Jawab [a], [b] DAN [c].

[a] Bincangkan kandungan pemerian makna melalui kaedah komponen.

[7 markah]

[b] Dengan menggunakan kata seperti *lelaki, wanita, anak lelaki, anak perempuan* bagi kata dan *Lelaki ini mencintai wanita itu* bagi ayat dan *kaki bangku* dan *buruk siku* bagi frasa/kiasan, terangkan cara penerapan analisis komponen.

[10 markah]

[c] Jelaskan kritikan terhadap teori ini sebagai alat pemerian makna.

[8 markah]

2. Tatabahasa Transformasi Generatif dari Chomsky's *Aspects* (1965) hingga ke Model Kuasaan dan Tambatan, P & P dan Program Minimalis (1995) telah cuba mengutarakan beberapa cara menangani pemerian makna dalam bahasa. Dengan contoh-contoh yang sesuai, terangkan:

[a] cara model (1972) cuba menangani pemerian makna.

[5 markah]

[b] cara model kuasaan dan tambatan menangani makna.

[10 markah]

[c] cara model P & P menangani makna kata kerja dan kuantifier.

[10 markah]

3. Jawab [a], [b] DAN [c].

[a] Bagi ayat-ayat yang diberikan di bawah, perikan kepelbagaiaan makna yang wujud, jika ada:

[i] Amin dan Azizah berkahwin di Narathiwat.

[ii] Kucing itu minum air di dalam tong.

[iii] Lantikan dia menyakitkan hati.

[iv] She loves you more than Jim.

[8 markah]

...3/-

[b] Apakah maksud maklumat baru dan maklumat lama dalam distribusi maklumat dalam ayat? Seterusnya, nyatakan penyebaran maklumat yang utama dalam ayat-ayat bahasa Malaysia yang berikut:

- [i] Saya ada seekor kucing. Kucing itu bernama Tompok.
- [ii] Memang ada seekor kucing di atas pokok.
- [iii] Kambing yang gemuk itu mahu minum susu.
- [iv] Dia menyatakan bahawa Ali kaya.

[8 markah]

[c] Bincangkan **EMPAT** maksim Grice (1967) dan bezakan pendekatannya dengan prinsip Sperber dan Wilson (1995) dalam penentuan makna perbualan berikut:

A: Malam ini kita makan luar.

B: Mak masak lebih sedap.

[9 markah]

## Bahagian B

4. Jawab soalan [a], [b] **DAN** [c], berdasarkan wacana perbualan di dalam **Data 1** **ATAU** **Data 2** yang berikut :-

### Data 1

- A: "Apa macam Rama, *very hard working?*"
- B: "Oh, Nancy! Yeslah. Kepala pusing, *men!* Ini orang semua tak tau *hard. Very hard?*"
- A: "Sana lagi *horrible, men!* *Sometimes /* marah dia orang semua!"
- B: "Mau pigi mana, Nancy?"
- A: "Eh, tea time, da!"
- C: "Encik saya mau *register*. Encik, saya mahu jumpa doktor."
- A: "Pigi duduk dulu. Sekarang *tea time*. Nanti jam sebelas!"
- C: "Lia olang cakap kita tatak hadat. Itu tatak apa, kita olang semua tatak sekolah tinggi. Lia olang lagi tatak hadat. Itu tatak baiklah; lia olang pigi sekolah tinggi."
- D: "Itu betul apik."

**Sumber:** A. Samad Said, 1993. **Hati Muda Bulan Muda**. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, ms: 135.

**Data 2**

- A: "Datang lagi, kak?"
- B: "O, Junid. A, ya, kakak datang lagi, datang mengambil ubat Si Manjaah ni!"
- A: "Hari Selasa yang lalu kakak datang juga, kan?"
- B: "Ya, tapi hari tu kakak datang kerana hendak menginjekkan Majaah. Doktornya suruh datang injek hari itu."
- A: "Tak ambil ubatkah hari tu?"
- B: "Ambil juga. Ambil ubat cuci perut. Tapi dah habis."
- C: "Hendak roti, mak. Hendak roti."
- D: "Jamal hendak nasi lemak, mak."

**Sumber:** A. Samad Said, 1993. **Hati Muda Bulan Muda.** Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, ms: 167.

- [a] Gunakan pendekatan 'Tradisi British' (1935 – 1996) **dan** 'Baden-Powell' (1857 – 1941) di dalam S. Michael (1996) untuk menganalisis wacana perbualan di dalam **Data 1** atau **Data 2**.

[8 markah]

- [b] Sebutkan dan huraikan faktor-faktor yang menyulitkan penganalisisan wacana di dalam **Data 1** dan **Data 2** di atas.

[10 markah]

- [c] Daripada aspek etnografi oleh Creswell (1998), huraikan apakah norma masyarakat yang dapat digambarkan di dalam **Data 1** atau **Data 2** tersebut?

[7 markah]

5. Jawab [a], [b] DAN [c] berdasarkan **Data 3** di bawah.

### **Data 3**

Kranium mengandungi otak, darah dan cecair serebrospina, dan penambahan isi padu salah satu daripadanya mengakibatkan pengurangan isi padu yang lainnya. Pampasan boleh berlaku di dalam julat fisiologi; bersin atau meneran mengakibatkan kesesakan (kongesi) vena yang sementara, tetapi sedikit cecair serebrospina mungkin tersesar melalui foramen magnum.

Dalam kes *hidrosefalus*, isi padu cecair serebrospina bertambah dan sebelum pertaupan sutur kranium, tengkorak mungkin menjadi terlalu besar. Dalam kes *hidrosefalus internal*, sistem ventrikel tersekat, lazimnya pada foramina ventrikal keempat, akibat meningitis basal, tetapi kadangkala akibat stenosis kongenital pada akueduktus. Dalam kes *hidrosefalus penghubung*, perekatan itu berlaku di luar otak, misalnya lekatan di antara otak tengah dengan insisur tentorium, atau penyumbatan oleh penggranulan araknoid selepas berlakunya meningitis. Otak termampat dan korteks mengalami atrofi. Dalam kes *dementia senil* (nyanyuk), atrofi serebrum disertai dengan pembesaran pampasan ruang subaraknoid dan ventrikal.

**Sumber:** Maimon Abdullah (penterjemah).1995. **Neuroanatomi**, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka: 241).

- [a] Huraikan faktor-faktor yang menjadikan wacana di dalam Data 3 di atas bersifat koheren.

[10 markah]

- [b] Bincangkan dengan menggunakan contoh-contoh ayat yang bersesuaian tentang elemen kohesi di dalam wacana di atas.

[5 markah]

- [c] Berpandukan salah satu tajuk perbincangan di dalam Sato Hirobumi @ Rahmat Abdullah (1997) berikan penerangan ringkas terhadap wacana di atas.

[5 markah]

6. Jawab [a] **DAN** [b].

- [a] Bincangkan kepentingan intonasi oleh Coulthard (1992) di dalam sesebuah wacana.

[10 markah]

- [b] Huraikan dengan ringkas dan berikan contoh yang bersesuaian 'analisis forensik wacana' oleh Coulthard (1992).

[15 markah]